

## BAB EMPAT

### SISTEM FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA MALAYSIA


#### 4.0 PENDAHULUAN

Yunus Maris dalam bukunya *The Malay Sound System* (1980) telah menyenaraikan 9 bunyi vokal BM yang terdiri daripada 6 fonem vokal standard /i, e, a, ə, u, o/ beserta 3 alofon [ɛ, ɜ, ɔ] dan 27 fonem konsonan (19 fonem konsonan asli dan 8 fonem konsonan pinjaman). Arbak Othman (1983) dan Abdullah Hassan (2005) turut menyenaraikan fonem vokal standard BM adalah sebanyak 6 iaitu /i, e, a, ə, u, o/. Namun begitu, mereka berpendapat bahawa kelainan vokal yang diujarkan oleh penutur sesetengah dialek telah berkurangan kepada 2 sahaja iaitu [ɛ] dan [ɔ].

#### 4.1 VOKAL


Menurut Yunus Maris, terdapat 6 fonem vokal yang digunakan dalam sebutan BM standard dan 3 alofon yang digunakan oleh sesetengah penutur sebagai variasi kepada sebahagian daripada vokal-vokal asli tersebut. Vokal-vokal bahasa Melayu standard terdiri daripada vokal /i/, /e/, /a/, /ə/, /u/, /o/ dan bunyi [ɛ], [ɔ] dan [ɜ] pula merupakan alofon kepada vokal /e/, /o/ dan /ə/. Namun begitu, dalam penggunaan BM hari ini, alofon [ɜ] tidak lagi hadir sebagai kelainan variasi bagi vokal /ə/ dalam sistem fonetik BM. Bunyi tersebut telah digantikan dengan bunyi [ɔ]. Oleh itu, jumlah vokal dalam BM moden adalah sebanyak enam fonem vokal standard dan dua alofon. Huraian bunyi vokal dalam BM

dalam bab ini hanya akan melibatkan bunyi [i, e, a, ə, u, o]. Huraian kedudukan vokal akan dibincang dengan membuat rujukan kepada rajah trapezium vokal kardinal yang dikemukakan oleh Daniel Jones (1956).



**Rajah 4.1.1. Vokal Kardinal**

(Dipetik dari Ladefodge 2006:215)



**Rajah 4.1.2. Vokal Bahasa Melayu**

**Jadual 4.1. Vokal Bahasa Melayu**

| Darjah keterbukaan mulut | Bentuk bibir | Daerah artikulasi |              |                |
|--------------------------|--------------|-------------------|--------------|----------------|
|                          |              | Depan lidah       | Tengah lidah | Belakang lidah |
| Sempit                   | Bundar       |                   |              | u              |
|                          | Tidak bundar | i                 |              |                |
| Separuh sempit           | Bundar       |                   |              | o              |
|                          | Tidak bundar | e                 | ə            |                |
| Separuh luas             | Bundar       |                   |              |                |
|                          | Tidak bundar |                   |              |                |
| Luas                     | Bundar       |                   |              |                |
|                          | Tidak bundar |                   | a            |                |

#### **4.1.1. Vokal Depan**

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, vokal depan yang terdapat dalam BM standard adalah vokal [i] dan [e]. Vokal [i] merupakan vokal depan sempit yang dihasilkan dengan bahagian depan lidah dinaikkan agak tinggi ke langit keras sementara hujung lidah pula ditahan di belakang gigi bawah dan bibir dibuka sempit. Dalam mengeluarkan bunyi [i], bibir tidak dibundarkan. Kedudukan vokal [i] dalam BM terletak di antara vokal depan (1) dan (2) vokal kardinal.

Vokal [e] pula dihasilkan dengan lidah berada di kedudukan yang lebih rendah dari kedudukan ketika menghasilkan [i], hujung lidah ditahan di belakang deretan gigi bawah dan bibir tidak dibundarkan. Mulut dibuka lebih luas sedikit daripada ketika menghasilkan vokal [i]. Jika dibuat perbandingan dengan bunyi vokal kardinal, vokal [e] BM terletak di antara bunyi vokal (2) dan (3) vokal kardinal.

Fonem vokal /e/ mempunyai dua alofon yaitu [e] dan [ɛ]. Alofon-alofon ini merupakan alofon bebas, yakni boleh bertukar ganti dalam lingkungan yang sama tanpa membezakan makna kata tersebut. Contohnya dalam perkataan *ekor*, fonem /e/ pada lingkungan awal kata tersebut boleh direalisasikan sama ada sebagai [ekor] atau [ɛkor]. Kedua-duanya membawa maksud yang sama dan difahami oleh semua penutur BM. Untuk melihat fungsi setiap vokal depan sebagai unit yang membezakan makna, pertentangan pasangan minimal boleh dibuat.

Contoh :

| Fonem     | Awal kata   | Tengah kata   | Akhir kata  |
|-----------|-------------|---------------|-------------|
| /i/ - /e/ | -           | bila - bela   | -           |
| /e/ - /a/ | enak - anak | bebas - babas | -           |
| /i/ - /a/ | ikan - akan | sikat - sakat | kiri - kira |

#### 4.1.2. Vokal Tengah

BM mempunyai vokal tengah separuh tertutup [ə] dan [a] dalam sistem fonetiknya. Vokal tengah [ə] dihasilkan dengan menaikkan bahagian tengah lidah ke kedudukan yang agak tinggi ke arah langit hingga menghasilkan jarak yang agak sempit di antara lidah yang diangkat dan langit. Manakala keadaan bibir tidak begitu bundar dan tidak begitu hambar. Vokal ini juga dikenali sebagai **schwa**.

Bunyi vokal [a] dihasilkan dengan menghamparkan bahagian depan dan tengah lidah dan bahagian hujung lidah ditahan di belakang deretan gigi bawah seperti ketika menghasilkan vokal [i] dan [e]. Bentuk bibir tidak dibundarkan dan mulut dibuka lebih luas

berbanding ketika menghasilkan vokal [e]. Vokal [a] BM terletak di antara vokal depan terbuka (4) dan vokal belakang terbuka (5) vokal kardinal.

Kontras fonem tengah ini boleh dibuat dengan vokal depan dan vokal belakang untuk melihat fungsi fonem ini sebagai satu unit yang membezakan makna.

Contoh :

| Fonem     | Awal kata         | Tengah kata         | Akhir kata      |
|-----------|-------------------|---------------------|-----------------|
| /ə/ - /i/ | -                 | /ləkat/ - /likat/   | /kirə/ - /kiri/ |
| /ə/ - /e/ | -                 | /səmaʔ/ - /semaʔ/   | -               |
| /ə/ - /u/ | /əmpat/ - /umpat/ | /təmpat/ - /tumpat/ | /lukə/ - /luku/ |
| /a/ - /i/ | /akan/ - /ikan/   | /rəsmi/ - /rasmi/   | -               |
| /a/ - /e/ | /akar/ - /ekar/   | /olah/ - /oleh/     |                 |

#### 4.1.3. Vokal Belakang

Terdapat dua jenis vokal belakang dalam BM, iaitu vokal belakang tertutup [u] dan vokal belakang separuh tertutup [o]. Kesemua vokal belakang ini dihasilkan dengan bentuk bibir yang dibundarkan.

Bunyi vokal [u] ini dihasilkan dengan menaikkan bahagian belakang lidah rapat ke lelangit lembut dengan kedudukan hujung lidah berada pada bahagian belakang deretan gigi bawah. Bentuk bibir dibundarkan dengan mulut dibuka sempit. Manakala lelangit lembut pula dinaikkan menutup rongga hidung untuk memaksa udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut. Kedudukan vokal [u] dalam BM adalah lebih rendah daripada kedudukan vokal kardinal (8).

Vokal belakang [o] pula diujarkan dengan menaikkan belakang lidah sedikit rendah dari kedudukan ketika menghasilkan bunyi vokal [u], tetapi mengekalkan kedudukan hujung lidah di belakang deretan gigi bawah. Pada masa ini, langit lembut dinaikkan menutup rongga hidung untuk memaksa udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut. Bentuk bibir dibundarkan tetapi mulut dibuka lebih luas berbanding dengan ketika menghasilkan bunyi vokal [u]. Kedudukan vokal [u] ini juga lebih rendah daripada vokal kardinal (7).

Fonem vokal belakang /o/ mempunyai dua alofon iaitu [o] dan [ɔ]. Kehadiran alofon-alofon ini adalah saling melengkapi, yakni alofon [ɔ] hadir dalam kata satu suku kata sahaja, contohnya dalam perkataan [rɔh]. Manakala alofon [o] pula hadir dalam semua lingkungan kata yang mempunyai lebih daripada satu suku kata. Untuk melihat fungsi fonem ini sebagai unit yang fonemik, pertentangan pasangan minimal boleh dibuat dengan fonem vokal depan dan vokal tengah. Contoh:

| Fonem     | Awal kata       | Tengah kata         | Akhir kata      |
|-----------|-----------------|---------------------|-----------------|
| /u/ - /i/ | -               | /tukar/ - /tikar/   | /bulu/ - /buli/ |
| /u/ - /a/ | /usap/ - /asap/ | /rumah/ - /ramah/   | -               |
| /o/ - /i/ | -               | /todaʔ/ - /tidaʔ/   | -               |
| /o/ - /e/ | /onaʔ/ - /enaʔ/ | /lopaʔ/ - /lepaʔ/   | -               |
| /o/ - /a/ | /oraʔ/ - /araʔ/ | /tombaʔ/ - /tambaʔ/ | -               |

#### 4.1.4 Penyebaran Fonem Vokal Dalam Kata

Menurut Teoh Boon Seong (1994: 16), dalam BM standard penyebaran sesetengah segmen vokalik dalam kata akar bergantung kepada bentuk vokal tersebut. Struktur suku kata sama ada terbuka atau tertutup dan juga kedudukan suku kata sama ada

suku kata awal, tengah atau akhir dalam perkataan juga memainkan peranan penting dalam menghadkan penyebaran segmen vokalik. Semua fonem vokal boleh hadir dalam lingkungan awal suku kata terbuka dan tertutup. Sebaliknya pada lingkungan akhir kata terbuka, hanya fonem /i/, /u/ dan /ə/ sahaja yang boleh hadir. Manakala fonem /e/, /a/ dan /o/ hanya boleh hadir pada lingkungan akhir suku kata tertutup. Vokal /e/ dan /o/ tidak hadir pada lingkungan akhir kata terbuka kecuali bagi perkataan yang mengalami pengguguran /r/.

Contohnya;                    /pasir/ → /pase/

                                      /tabur/ → /tabo/

Lingkungan awal suku kata terbuka

| Fonem | Struktur suku kata |         |
|-------|--------------------|---------|
|       | #V-                | #CV-    |
| /i/   | /ikan/             | /bilə/  |
| /e/   | /ekor/             | /belot/ |
| /a/   | /anaʔ/             | /bakol/ |
| /u/   | /udarɨ/            | /gulə/  |
| /o/   | /oraŋ/             | /rosaʔ/ |
| /ə/   | /əmaʔ/             | /bəlut/ |

Lingkungan awal suku kata tertutup

| Fonem | Struktur suku kata |          |
|-------|--------------------|----------|
|       | #VC-               | #CVC-    |
| /i/   | /insan/            | /bimbɨŋ/ |
| /e/   | /enjin/            | /tendaŋ/ |
| /a/   | /ambel/            | /baŋku/  |
| /u/   | /uncarɨ/           | /tumbuh/ |
| /o/   | /ombaʔ/            | /bombə/  |
| /ə/   | /əmpat/            | /səmpot/ |

### Lingkungan akhir suku kata terbuka

| Fonem | Struktur suku kata |
|-------|--------------------|
|       | -VC#               |
| /i/   | /guli/             |
| /e/   | -                  |
| /a/   | -                  |
| /u/   | /susu/             |
| /o/   | -                  |
| /ə/   | /lukə/             |

### Lingkungan akhir suku kata tertutup

| Fonem | Struktur suku kata |
|-------|--------------------|
|       | -CVC#              |
| /i/   | /bimbiɣ/           |
| /e/   | /puteh/            |
| /a/   | /tanah/            |
| /u/   | -                  |
| /o/   | /timbol/           |
| /ə/   | -                  |


## 4.2. DIFTONG

Diftong adalah urutan dua vokoid yang mempunyai satu puncak kelantangan yang dihasilkan tanpa sebarang hentian antara kedua-dua vokoid tersebut. Diftong dihasilkan dengan keadaan lidah berada pada kedudukan vokoid yang pertama dan kemudiannya bergerak dengan pantas untuk menghasilkan vokoid yang kedua (**Rajah 4.2**). Geluncuran yang berlaku itu menyebabkan wujud hanya satu sahaja puncak kelantangan dalam penghasilan diftong, yakni satu vokoid disebut lebih nyaring dari vokoid yang satu lagi.

Dalam BM terdapat tiga jenis diftong, iaitu:



- i. [ai]
- ii. [au]
- iii. [oi]



**Rajah 4.2 : Diftong Bahasa Melayu**

#### 4.2.1. Diftong [ai]

Diftong [ai] dihasilkan dengan lidah dinaikkan pada kedudukan menyebut vokal depan terbuka [a] dan kemudiannya menggeluncur dengan pantas ke arah kedudukan untuk menyebut vokal depan tertutup [i]. Hujung lidah berada di belakang gigi bawah, pita suara digetarkan dan langit lembut diangkat untuk menutup rongga hidung. Manakala bentuk bibir pula tidak dibundarkan.

Contoh : pakai            [pakai]  
               hairan            [hairan]

#### 4.2.2. Diftong [au]

Diftong [au] dihasilkan dengan bahagian hadapan lidah dinaikkan sedikit ke langit keras untuk mengeluarkan bunyi vokal [a], kemudian digeluncurkan bahagian belakang lidah ke arah langit lembut tetapi tidak menyentuhnya, langit lembut dinaikkan dan pita suara digetarkan untuk menghasilkan bunyi vokal [u]. Keadaan bibir tidak dibundarkan semasa menyebut vokal [a] tetapi mengalami pembundaran apabila digeluncurkan untuk membunyikan vokal [u].

Contoh : kerbau [kərbau]

pulau [pulau]

tauliah [tauliah]

#### 4.2.3. Diftong [oi]

Diftong [oi] dihasilkan dengan keadaan belakang lidah dinaikkan ke arah langit lembut dan bibir dibundarkan bagi menyebut vokal belakang separuh tertutup [o] dan secara pantas digeluncurkan lidah ke kedudukan untuk menyebut vokal depan tertutup [i]. Keadaan bibir yang bundar pada awalnya kemudian berubah menjadi terhampar.

Contoh : amboi [amboi]

sepoi [səpoi]

kaloi [kaloi]

Diftong-diftong ini hanya dapat hadir dalam suku kata terbuka sahaja. Diftong /ai/ dan /au/ boleh hadir di awal dan akhir kata suku kata terbuka, manakala diftong /oi/ hanya hadir pada akhir kata suku kata terbuka.

Contoh :

| Diftong | Awal suku kata terbuka | Akhir suku kata terbuka |
|---------|------------------------|-------------------------|
| /ai/    | /hairan/               | /pakai/                 |
| /au/    | /saudagar/             | /kərbau/                |
| /oi/    | -                      | /səpoi/                 |

#### 4.3. RANGKAP VOKAL

Rangkap vokal merupakan kehadiran dua atau lebih bunyi vokal yang hadir secara berturut-turut dalam satu kata. Menurut Arbak Othman (1986:60), rangkap vokal merupakan rentetan dua vokal yang mempunyai nada, tekanan dan kepanjangan yang sama. Bunyi-bunyi vokal yang hadir dalam rangkap vokal mempunyai lebih dari satu puncak kelantangan kerana rangkap vokal ditandai oleh *hiatus*, yakni kedua-dua vokal diucapkan secara terpisah. Keadaan ini yang membezakan rangkap vokal dan bunyi diftong. Bunyi diftong hanya mengandungi satu puncak kelantangan sahaja. Dalam BM, rangkap vokal terdiri daripada dua bunyi vokal yang berbeza..

Teoh Boon Seong (1994:24) menyenaraikan 5 rangkap vokal dalam BM standard yang terdiri daripada rangkap [ia], [iu], [io], [ua] dan [ui]. Menurutnya rangkap [iə] dan

[uə] adalah urutan vokal yang telah mengalami pelemahan dari bentuk [ia] dan [ua] apabila hadir pada lingkungan akhir kata suku kata terbuka. Namun begitu, setelah diteliti, penulis merasakan bahawa sebenarnya terdapat sepuluh rangkap vokal dalam BM. Rangkap-rangkap vokal ini yang boleh dibahagikan dua tiga jenis, iaitu rangkap vokal ke depan, rangkap vokal ke belakang dan rangkap vokal tengah. Pembahagian ini dibuat berdasarkan vokal kedua yang hadir dalam rangkap-rangkap tersebut.

#### 4.3.1. Rangkap Vokal Ke Depan

Rangkap vokal ke depan terdiri daripada rangkap vokal [ia], [ua], [ui], [ue] dan [ae]. Rangkap-rangkap vokal [ia] dan [ua] boleh hadir dalam suku kata terbuka dan tertutup. Manakala rangkap vokal [ae] dan [ue] pula hadir dalam suku kata tertutup sahaja. Sebaliknya, rangkap [ui] pula hanya hadir dalam suku kata terbuka sahaja

##### Suku kata terbuka

|      |       |                   |
|------|-------|-------------------|
| [ia] | biasa | [ <i>biasə</i> ]  |
| [ua] | puaka | [ <i>puakə</i> ]  |
| [ui] | juita | [ <i>dʒuitə</i> ] |

##### Suku kata tertutup

|      |        |                   |
|------|--------|-------------------|
| [ia] | teriak | [ <i>təriaʔ</i> ] |
| [ua] | puak   | [ <i>puaʔ</i> ]   |
| [ue] | kuih   | [ <i>kueh</i> ]   |
| [ae] | naik   | [ <i>naeʔ</i> ]   |

### 4.3.2. Rangkap Vokal Ke Belakang

Rangkap vokal ke belakang terdiri daripada rangkap [iu], [io] dan [ao]. Rangkap-rangkap [iu] dan [io] boleh hadir dalam suku kata terbuka dan tertutup. Manakala rangkap [ao] hanya hadir dalam suku kata tertutup sahaja.

#### Suku kata terbuka

[iu] piutang [piutaŋ]

[io] radio [radio]

#### Suku kata tertutup

[iu] cium [cium]

[io] periuk [pəriʊk]

[ao] maut [maot]

### 4.3.3. Rangkap Vokal Tengah

Rangkap vokal tengah terdiri daripada rangkap [uə] dan [iə]. Kedua-dua rangkap ini hanya hadir dalam suku kata terbuka sahaja.

Contoh :

[uə] tua [tuə]

[iə] selia [səliə]

#### 4.4. KONSONAN

Yunus Maris (1980) membahagikan konsonan BM kepada dua jenis iaitu konsonan primer dan konsonan sekunder. Konsonan primer merujuk kepada konsonan asli yakni yang telah sedia ada dalam BM, manakala konsonan sekunder merujuk kepada konsonan yang dipinjam dari bahasa-bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Beliau menyenaraikan 19 bunyi konsonan asli dan 8 konsonan pinjaman dalam BM.

Namun begitu, kajian semula ke atas jumlah konsonan pinjaman yang digunakan oleh penutur BM pada hari ini menunjukkan bahawa jumlah konsonan pinjaman ini telah berkurangan kepada 6 bunyi konsonan sahaja. Terdapat konsonan pinjaman yang telah diasimilasikan ke dalam bunyi-bunyi asli BM. Konsonan pinjaman seperti [θ] dan [ð] yang merupakan konsonan pinjaman dari Bahasa Arab telah tidak lagi digunakan oleh masyarakat Melayu pada hari ini. Perkataan-perkataan pinjaman dari Bahasa Arab yang mengandungi bunyi-bunyi konsonan ini telah digantikan dengan konsonan asli [s] dan [d]. Konsonan [θ] dan [ð] tidak lagi hadir dalam perkataan pinjaman tersebut. Oleh yang demikian, kedua-dua konsonan pinjaman ini akan dikeluarkan dari sistem fonetik dan fonologi BM. **Jadual 4.2** menunjukkan bunyi-bunyi konsonan asli dan pinjaman yang terdapat di dalam BM.

**Jadual 4.2. Konsonan Bahasa Melayu**

| Cara pengeluaran       | Titik artikulasi |      |      |                     |                |                 |                |
|------------------------|------------------|------|------|---------------------|----------------|-----------------|----------------|
|                        | Dua bibir        | Gigi | Gusi | Gusi-Lelangit keras | Lelangit keras | Lelangit lembut | Hentian glotis |
| Letupan tidak bersuara | p                |      | t    |                     |                | k               |                |
| Letupan bersuara       | b                |      | d    |                     |                | g               |                |
| Letusan tidak bersuara |                  |      |      |                     | tʃ             |                 |                |
| Letusan bersuara       |                  |      |      |                     | dʒ             |                 |                |
| Geseran tidak bersuara | f                |      | s    | ʃ                   |                | x               | h              |
| Geseran bersuara       | v                |      | z    |                     |                | ɣ               |                |
| Getaran                |                  |      | r    |                     |                |                 |                |
| Sisian                 |                  |      | l    |                     |                |                 |                |
| Sengauan               | m                |      | n    |                     | ɲ              | ŋ               |                |
| Separuh vokal          | w                |      |      |                     | j              |                 |                |

\* *Fonem bertanda merah adalah fonem pinjaman.*

**4.4.1. Konsonan Asli Bahasa Melayu**

Konsonan dalam BM terdiri daripada konsonan letupan, konsonan geseran, konsonan sisian, konsonan sengauan dan konsonan separuh vokal.

**4.4.1.1. Konsonan Letupan**

Dalam BM terdapat enam bunyi konsonan letupan yang tiga daripadanya adalah letupan tidak bersuara [p, t, k] dan tiga letupan bersuara [b, d, g].

Konsonan [p] dihasilkan dengan merapatkan kedua-dua bibir sementara langit lembut dinaikkan supaya mencecah belakang rongga tekak untuk menghalang aliran udara dari keluar melalui rongga mulut dan rongga hidung. Aliran udara kemudiannya dilepaskan secara serta merta melalui rongga mulut. Ketika menghasilkan konsonan [p], pita suara tidak digetarkan. Konsonan [p] dalam BM diaspirasikan hanya pada kedudukan awal dan tengah kata, sebaliknya pada kedudukan akhir kata konsonan [p] tidak diaspirasikan. Konsonan [b] dihasilkan dengan cara yang sama seperti konsonan [p], yakni udara dihalang dari keluar melalui rongga mulut dan hidung dengan merapatkan kedua-dua bibir. Udara yang ditahan di dalam rongga mulut dilepaskan dengan serta-merta sambil menggetarkan pita suara untuk menghasilkan bunyi letupan yang bersuara.

Konsonan [t] dihasilkan dengan merapatkan kedua-dua bibir dan langit lembut dinaikkan sehingga menyentuh rongga tekak untuk menghalang aliran udara dari keluar melalui rongga hidung. Manakala hujung lidah pula dirapatkan ke gusi atas untuk menyekat udara dari keluar melalui rongga mulut. Sekatan ini kemudiannya dilepaskan secara serta-merta tanpa menggetarkan pita suara. Apabila konsonan [t] hadir di akhir kata, keadaan yang sama seperti konsonan [p], berlaku kepada konsonan [t] yakni ianya tidak diaspirasikan. Konsonan [d] dihasilkan dengan cara pengeluaran dan titik artikulasi yang sama seperti konsonan [t] kecuali ketika menghasilkan bunyi konsonan [d], pita suara digetarkan.

Konsonan [k] dihasilkan dengan menaikkan langit lembut sehingga berlaku sekatan penuh ke atas aliran udara yang keluar dari paru-paru. Udara dihalang daripada mengalir keluar melalui rongga hidung dengan menaikkan langit lembut. Sekatan pada aliran udara yang keluar dari paru-paru dilepaskan dengan serta-merta tanpa menggetarkan



pita suara. Konsonan [k] hadir di awal dan tengah kata tetapi dalam lingkungan akhir kata konsonan [k] digantikan dengan bunyi hentian glotis [ʔ]. Konsonan [g] dihasilkan dengan cara pengeluaran dan titik artikulasi yang sama seperti konsonan [k]. Namun begitu, semasa penghasilan bunyi konsonan [g] pita suara digetarkan.

Fonem konsonan letupan /p/, /t/ dan /k/ mempunyai dua alofon yang saling melengkapi. Fonem konsonan letupan /p/, /b/, /t/, /d/ dan /g/ yang hadir pada lingkungan akhir kata tidak diaspirasikan dalam BM standard. Manakala fonem /k/ yang hadir pada akhir kata pula digantikan dengan fonem hentian glotis [ʔ].

Alofon-alofonnya adalah seperti berikut:

[p] dan [p̚] alofon kepada fonem /p/

[t] dan [t̚] alofon kepada fonem /t/

[k] dan [ʔ] alofon kepada fonem /k/

Semua fonem konsonan letupan tidak bersuara /p/, /t/ dan /k/ boleh dikontraskan dengan fonem konsonan letupan bersuara /b/, /d/, dan /g/ untuk melihat ciri fonemiknya dalam kata.

Contoh :

| Fonem     | Lingkungan        |                   |       |
|-----------|-------------------|-------------------|-------|
|           | Awal              | Tengah            | Akhir |
| /p/ - /b/ | /paraŋ/ - /baraŋ/ | /ləpat/ - /ləbat/ | -     |
| /t/ - /d/ | /tari/ - /dari/   | /lətaʔ/ - /lədaʔ/ | -     |
| /k/ - /g/ | /kari/ - /gari/   | /laku/ - /lagu/   | -     |

#### 4.4.1.2. *Konsonan Letusan*

Terdapat dua jenis konsonan letusan dalam BM yaitu letusan lelangit keras-gusi tidak bersuara [tʃ] dan letusan lelangit keras-gusi bersuara [dʒ]. Depan lidah dinaikkan ke lelangit keras-gusi, udara dihalang dari memasuki rongga hidung dengan menaikkan lelangit lembut menutupi rongga hidung ketika konsonan [tʃ] dihasilkan. Udara dari paru-paru dilepaskan melalui rongga mulut dengan cara lebih perlahan daripada bunyi letupan. Pita suara digetarkan untuk menghasilkan bunyi letusan bersuara. Konsonan [dʒ] dihasilkan dengan cara sama seperti konsonan [tʃ] kecuali pita suara digetarkan untuk menghasilkan bunyi bersuara. Konsonan ini boleh hadir pada lingkungan awal dan tengah kata. Konsonan [dʒ] hadir di akhir kata hanya pada perkataan yang dipinjam dari bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Fonem konsonan letusan bersuara /dʒ/ boleh dikontraskan dengan fonem konsonan letusan tidak bersuara /tʃ/ untuk melihat fungsi fonemiknya dalam kata.

Contoh:

| Fonem | Lingkungan |         |       |
|-------|------------|---------|-------|
|       | Awal       | Tengah  | Akhir |
| /tʃ/  | /tʃari/    | /batʃə/ | -     |
| /dʒ/  | /dʒari/    | /badʒə/ | -     |

#### 4.4.1.3. *Konsonan Geseran*

Konsonan geseran dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu konsonan geseran gusi dan konsonan geseran glotis. Kedua-dua konsonan geseran ini adalah konsonan tidak

bersuara. Di dalam menghasilkan konsonan [s], langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan ke dinding tekak untuk menyekat aliran udara dari keluar melalui rongga hidung. Hujung lidah dirapatkan ke arah gusi untuk menyempitkan ruang untuk udara keluar melalui rongga mulut. Udara yang keluar melalui sempitan itu bergeser antara lidah dan gusi. Di dalam menghasilkan bunyi [s], pita suara tidak bergetar. Konsonan [h] dihasilkan dengan cara yang sama seperti geseran gusi kecuali sempitan dilakukan pada bahagian glotis. Pita suara tidak digetarkan. Konsonan [h] hadir pada semua lingkungan kata. Fonem /s/ dan /h/ ini boleh hadir dalam semua lingkungan kata. Fonem-fonem geseran ini boleh dipertentangkan bagi memperlihatkan ciri fonemiknya.

Contoh:

| Fonem     | Lingkungan        |                 |                   |
|-----------|-------------------|-----------------|-------------------|
|           | Awal              | Tengah          | Akhir             |
| /s/ - /h/ | /samun/ - /hamun/ | /masa/ - /maha/ | /panas/ - /panah/ |

#### **4.4.1.4. Konsonan getaran gusi [r]**

Dalam BM, hanya terdapat satu jenis konsonan getaran. Konsonan [r] dihasilkan dengan langit lembut dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menghalang udara dari paru-paru dari keluar melalui rongga hidung. Ketika udara dilepaskan melalui rongga mulut, hujung lidah dinaikkan dan digetarkan pada gusi dan pada masa yang sama pita suara digetarkan. Fonem /r/ merupakan satu-satunya fonem getaran yang terdapat dalam BM. Fonem ini boleh hadir lingkungan awal dan tengah kata. Konsonan [r] digugurkan pada lingkungan akhir kata. Fonem ini boleh dipertentangkan dengan fonem /l/ bagi melihat ciri fonemiknya.

Contoh :

| Fonem     | Lingkungan        |                 |       |
|-----------|-------------------|-----------------|-------|
|           | Awal              | Tengah          | Akhir |
| /r/ - /l/ | /roket/ - /loket/ | /buru/ - /bulu/ | -     |

#### 4.4.1.5. Konsonan sisian gusi [l]

Konsonan [l] dihasilkan dengan menaikkan hujung lidah ke bahagian tengah gusi. Aliran udara dari paru-paru dihalang dari keluar melalui rongga hidung dengan menaikkan langit lembut. Arus udara mengalir keluar melalui tepi lidah dan pita suara digetarkan bagi menghasilkan bunyi bersuara. Fonem /l/ boleh hadir dalam semua lingkungan kata BM. Untuk melihat ciri fonemiknya, fonem sisian /l/ boleh dipertentangkan dengan fonem getaran /r/ dalam pasangan minimal.

Contoh :

| Fonem     | Lingkungan      |                 |       |
|-----------|-----------------|-----------------|-------|
|           | Awal            | Tengah          | Akhir |
| /l/ - /r/ | /lagi/ - /ragi/ | /lali/ - /lari/ |       |

#### 4.4.1.6. Konsonan Sengau

Konsonan sengau dalam BM terdiri daripada empat jenis iaitu konsonan sengau dua bibir [m], konsonan sengau gusi [n], konsonan sengau langit keras-gusi [ŋ] dan konsonan sengau langit lembut [ŋ]. Kesemua bunyi konsonan sengau adalah bersuara. Konsonan [m] dihasilkan dengan merapatkan dua bibir untuk menyekat sepenuhnya udara dari keluar melalui mulut. Langit lembut direndahkan untuk membenarkan udara dari paru-paru

keluar melalui rongga mulut dan rongga hidung secara serentak. Pita suara digetarkan untuk menghasilkan bunyi sengau bersuara.

Konsonan [n] dihasilkan dengan merapatkan hujung lidah pada gusi, manakala lelangit lembut dan anak tekak diturunkan bagi membolehkan arus udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Pada masa ini pita suara digetarkan untuk menghasilkan bunyi sengau bersuara. Konsonan [ɲ] dihasilkan dengan menaikkan tengah lidah ke lelangit keras supaya udara yang keluar dari paru-paru disekat sepenuhnya. Lelangit lembut kemudiannya diturunkan untuk membenarkan udara keluar melalui rongga hidung, manakala udara yang tersekat di belakang lidah dan lelangit keras dilepaskan dan pita suara digetarkan.

Konsonan [ŋ] dihasilkan dengan menyekat sepenuhnya udara yang keluar dari paru-paru di daerah lelangit lembut. Sekatan dibuat dengan menaikkan dan merapatkan belakang lidah ke lelangit lembut. Udara yang tersekat itu kemudiannya dibenarkan keluar melalui rongga hidung dengan menurunkan lelangit lembut dan pada masa yang sama dilepaskan melalui rongga mulut sambil menggetarkan pita suara.

Fonem /m/, /n/, /ŋ/ boleh hadir dalam semua lingkungan kata manakala fonem /ɲ/ boleh hadir hanya dalam lingkungan awal dan tengah kata. Fonem-fonem sengau boleh dipertentangkan antara satu sama lain dalam pasangan minimal untuk melihat ciri fonemiknya.

Contoh :

| Fonem     | Lingkungan |                   |                     |
|-----------|------------|-------------------|---------------------|
|           | Awal       | Tengah            | Akhir               |
| /m/ - /n/ | -          | /samə/ - /sanə/   | /makam/ - /makan/   |
| /m/ - /ŋ/ | -          | /səmat/ - /səŋat/ | /dalam/ - /dalaŋ/   |
| /n/ - /ŋ/ | -          | -                 | /piŋgan/ - /piŋgaŋ/ |

#### 4.4.1.7. *Konsonan Separuh Vokal*

Terdapat dua bunyi konsonan separuh vokal dalam BM standard iaitu konsonan separuh vokal dua bibir [w] dan konsonan separuh vokal langit keras [j]. Konsonan [w] dinamakan sebagai konsonan separuh vokal kerana cara pengeluarannya hampir sama dengan cara pengeluaran bunyi vokal kecuali berlaku sedikit penyempitan pada rongga mulut semasa arus udara keluar melaluinya. Untuk menghasilkan konsonan [w], belakang lidah dinaikkan ke arah langit lembut dan udara dihalang dari keluar melalui rongga hidung dengan menaikkan langit lembut sehingga menutup rongga hidung. Lidah kemudiannya dihamparkan dan pita suara digetarkan.

Konsonan separuh vokal [j] pula dihasilkan dengan keadaan bibir dihamparkan dan depan lidah dinaikkan ke arah langit keras. Udara dari paru-paru dihalang dari keluar melalui rongga hidung dengan cara menaikkan langit lembut sehingga menutup rongga hidung. Lidah bergerak ke kedudukan mendatar dan pita suara digetarkan.

Kedua-dua fonem separuh vokal BM ini hanya hadir dalam lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Fonem separuh vokal /w/ boleh diikuti oleh semua vokal BM kecuali vokal [o], manakala fonem separuh vokal /j/ pula boleh diikuti oleh semua bunyi vokal

kecuali vokal [e]. Ciri fonemik fonem separuh vokal ini dapat dilihat dalam pertentangan pasangan minimal berikut;

| Fonem     | Lingkungan      |                     |       |
|-----------|-----------------|---------------------|-------|
|           | Awal            | Tengah              | Akhir |
| /w/ - /j/ | /warŋ/ - /jarŋ/ | /sawarŋ/ - /sajarŋ/ | -     |

#### 4.4.2. Penyebaran Fonem Konsonan Asli BM

Fonem-fonem konsonan asli /p/, /t/, /d/, /s/, /h/, /l/, /r/, /m/, /n/ dan /ŋ/ boleh hadir dalam semua lingkungan kata dalam kata BM. Sebaliknya, fonem letupan tidak bersuara /k/ dan fonem separuh vokal /w/ dan /j/ boleh hadir dalam lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Pada lingkungan akhir kata, fonem /k/ diganti oleh fonem hentian glotis /ʔ/. Fonem-fonem /b/, /g/, /tʃ/, /dʒ/, dan /r/ pula hanya hadir pada lingkungan awal dan tengah kata dalam kata asli BM. Fonem-fonem ini dapat hadir pada lingkungan akhir kata hanya dalam kata pinjaman sahaja.

| Fonem | Lingkungan |          |          |
|-------|------------|----------|----------|
|       | Awal       | Tengah   | Akhir    |
| /p/   | /pasarŋ/   | /laparŋ/ | /tətap/  |
| /b/   | /bawə/     | /bebas/  | -        |
| /t/   | /tali/     | /litar/  | /kətat / |
| /d/   | /dagu/     | /dadu/   | /had /   |
| /k/   | /kasut/    | /təkan/  | /kataʔ/  |
| /g/   | /gatal/    | /gugup/  | /beg /   |
| /tʃ/  | /tʃari/    | /latʃi/  | /matʃ /  |
| /dʒ/  | /dʒalan/   | /ladʒu/  | /cadʒ/   |
| /s/   | /sakit/    | /asas/   | /rimas/  |

|      |          |         |          |
|------|----------|---------|----------|
| /h/  | /hasil/  | /mahal/ | /ləmah/  |
| /r/  | /ramai/  | /parah/ | -        |
| /l/  | /labu/   | /boleh/ | /halal/  |
| /m / | /makan/  | /samaʔ/ | /malam/  |
| /n/  | /nampaʔ/ | /nənas/ | /aman/   |
| /ŋ/  | /ŋaman/  | /aŋam/  | -        |
| /ŋ/  | /ŋaŋa/   | /aŋin/  | /pasarŋ/ |
| /w / | /waŋ/    | /awan/  | -        |
| /j/  | /jaŋ/    | /sajaŋ/ | -        |

#### 4.4.3. Konsonan Pinjaman Dalam Bahasa Melayu

Seperti yang dinyatakan oleh Yunus Maris (1980) bahawa dalam BM terdapat 8 konsonan pinjaman yang dipinjam dari bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Namun kini konsonan pinjaman yang masih digunakan dalam BM hanya tinggal enam sahaja. Konsonan-konsonan pinjaman ini terdiri daripada konsonan geseran (frikatif). Dua konsonan pinjaman [θ] dan [ð] telah diasimilasikan dengan konsonan asli BM.

#### 4.6.1. Konsonan geseran

Konsonan geseran bibir-gigi tidak bersuara [f] dihasilkan dengan merapatkan bibir bawah ke gigi atas. Lelangit lembut dinaikkan untuk menutup rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut melalui sempitan antara bibir bawah dan gigi atas. Pita suara tidak digetarkan ketika konsonan [f] dihasilkan. Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] pula dihasilkan dengan cara yang sama seperti cara pengeluaran konsonan [f] kecuali pita suara digetarkan ketika konsonan ini dihasilkan.



Konsonan geseran lelangit keras bersuara [z] dihasilkan dengan menaikkan hujung lidah sehingga menyentuh sedikit bahagian gusi. Lelangit lembut dinaikkan untuk menutup rongga hidung dan memaksa udara dari paru-paru keluar melalui sempitan hujung lidah dan gusi. Pita suara digetarkan semasa penghasilannya. Konsonan geseran lelangit keras tidak bersuara [ʒ] dihasilkan dengan merapatkan bahagian depan lidah ke arah daerah gusi dan lelangit keras. Lelangit lembut dinaikkan untuk menutup rongga hidung untuk memaksa udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut. Berlaku geseran pada udara dari paru-paru apabila melalui daerah sempitan tersebut. Pita suara tidak digetarkan semasa penghasilan konsonan [ʒ].

Manakala konsonan geseran lelangit lembut tidak bersuara [x] dihasilkan dengan menaikkan belakang lidah sehingga menyentuh lelangit lembut. Udara dari paru-paru dipaksa keluar melalui rongga mulut dengan menaikkan lelangit lembut untuk menutup rongga hidung. Udara yang keluar melalui rongga mulut mengalami geseran di ruang yang berlaku sempitan antara lidah dan lelangit lembut. Pita suara tidak digetarkan semasa penghasilannya. Konsonan ini juga kadang-kadang digantikan dengan bunyi konsonan asli [k]. Namun begitu, konsonan ini tidak dikeluarkan dari sistem fonetik BM kerana ia masih lagi diujarkan dalam kata pinjaman bahasa Arab. Konsonan geseran lelangit lembut bersuara [ɣ] dihasilkan dengan cara yang sama seperti konsonan [x] kecuali pita suara digetarkan semasa penghasilan konsonan [ɣ]. Konsonan pinjaman ini juga kadang-kadang digantikan dengan bunyi konsonan asli [g] pada awal kata kata dan konsonan [h] pada akhir kata. Sepertimana konsonan [x], konsonan ini masih lagi hadir dalam sistem fonetik BM walaupun penggunaannya semakin diambil alih oleh bunyi konsonan asli BM. Ciri-ciri

fonemik konsonan pinjaman ini boleh dilihat dengan membuat pertentangan pasangan minimal seperti berikut.

| Fonem     | Lingkungan        |                 |                   |
|-----------|-------------------|-----------------|-------------------|
|           | Awal              | Tengah          | Akhir             |
| /s/ - /h/ | /samun/ - /hamun/ | /masa/ - /maha/ | /panas/ - /panah/ |
| /f/ - /v/ | /firus/ - /virus/ | -               | -                 |
| /s/ - /z/ | /saman/ - /zaman/ | /asam/ - /azam/ | -                 |
| /h/ - /x/ | /hamis/ - /xamis/ | -               | -                 |
| /s/ - /ʃ/ | /sarat/ - /Sarat/ | -               | -                 |

#### 4.4.4. Penyebaran Fonem Konsonan Pinjaman BM

Fonem-fonem konsonan pinjaman /f/, /ʃ/, /x/, /y/ dan /z/ boleh hadir dalam semua lingkungan kata. Penyebaran fonem-fonem /v/ pula hanya terhad pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja.

| Fonem | Lingkungan |               |           |
|-------|------------|---------------|-----------|
|       | Awal       | Tengah        | Akhir     |
| /f/   | /fikir/    | /tafsir/      | /arif/    |
| /v/   | /variasi/  | /juniversiti/ | -         |
| /ʃ/   | /ʃabas/    | /məʃuarat/    | /quraiʃ/  |
| /x/   | /xamis/    | /axir/        | /tarix/   |
| /y/   | /yaib/     | /mayrib/      | /mubaliy/ |
| /z/   | /zahir/    | /lazarat/     | /hafaz/   |

#### 4. 5. RANGKAP KONSONAN

Rangkap konsonan merupakan urutan dua atau lebih bunyi konsonan dalam satu suku kata. Dalam kata asli BM standard tidak terdapat rangkap konsonan. Rangkap

konsonan ini hanya hadir dalam kata pinjaman dan kata asli BM yang mengalami pelemahan bentuk. Kebanyakan kata asli yang mengalami pelemahan bentuk ialah kata-kata yang terdiri daripada struktur konsonan + ə + konsonan (**CəC**). Konsonan yang membentuk rangkap konsonan ini terdiri daripada konsonan letupan dan konsonan likuida /r/ dan /l/ yang biasanya hadir dalam lingkungan awal suku kata terbuka. Vokal /ə/ dalam kata asli BM biasanya digugurkan apabila diujarkan secara cepat dalam bahasa lisan.

Contoh :

|       |           |   |          |
|-------|-----------|---|----------|
| /pr/  | /pəriə/   | → | /priə/   |
| /br/  | /bərani/  | → | /brani/  |
| /tr/  | /tərunə/  | → | /trunə/  |
| /dʒl/ | /dʒəlas/  | → | /dʒlas/  |
| /kr/  | /kəramat/ | → | /kramat/ |
| /kl/  | /kəluar/  | → | /kluar/  |
| /gl/  | /gələdah/ | → | /gledah/ |

Dalam kata pinjaman, rangkap konsonan tidak hanya dibentuk oleh konsonan letupan dan likuida tetapi juga oleh gabungan konsonan-konsonan lain. Malah, dalam kata pinjaman rangkap konsonan bukan sahaja terdiri daripada urutan konsonan tetapi juga boleh terdiri daripada urutan tiga konsonan. Di samping itu, rangkap konsonan kata pinjaman boleh hadir sama ada dalam lingkungan awal, tengah atau akhir suku kata .

Contoh rangkap konsonan kata pinjaman adalah seperti berikut:

|      |           |
|------|-----------|
| /pr/ | /proses/  |
| /pl/ | /plastik/ |
| /br/ | /brek/    |

|       |            |
|-------|------------|
| /bl/  | /blok/     |
| /tr/  | /tradisi/  |
| /dr/  | /drama/    |
| /kr/  | /kraf/     |
| /kl/  | /klasik/   |
| /gr/  | /grafik/   |
| /gl/  | /glukosa/  |
| /sk/  | /skala/    |
| /st/  | /stesen/   |
| /sl/  | /slanga/   |
| /sn/  | /sains/    |
| /fl/  | /konflik/  |
| /nk/  | /bank/     |
| /ns/  | /sains/    |
| /skr/ | /skru/     |
| /mpl/ | /kompleks/ |